

Interpretasi Falsafah dan Hati Budi Melayu dalam Peribahasa Melayu Sekolah Rendah

(Interpretation of Malay Philosophy And Psyche in Malay Proverbs for Primary Schools)

ALHAADI ISMAIL, ROZITA CHE RODI, VIJAYALETCHUMY SUBRAMANIAM & ZURAINI JUSOH

ABSTRAK

Pemahaman terhadap peribahasa Melayu terutamanya kata-kata hikmat adalah semakin kurang dalam kalangan pelajar di Sekolah Rendah. Isu ini akan memberi kesan kepada penghayatan dan penguasaan kandungan kurikulum yang berkesan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu ini. Justeru, kajian ini adalah bertujuan untuk: a) mengenal pasti kata-kata hikmat berunsur alam yang terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu sekolah kebangsaan (SK) dan sekolah jenis kebangsaan (SJK), dan b) menginterpretasi kata-kata hikmat yang berunsur alam yang terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu SK dan SJK. Kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif dengan kaedah analisis kandungan yang melibatkan buku teks Bahasa Melayu SK dan SJK. Ringkasnya, terdapat dua kata-kata hikmat dengan unsur alam iaitu 'masa itu emas' dan 'membaca jambatan ilmu'. Kedua-dua kata-kata hikmat ini mempunyai semantik yang berbeza namun kaya dengan pedoman hidup. Ringkasnya, dapatan kajian ini memberi penjelasan yang mendalam terhadap peribahasa Melayu yang dapat digunakan dalam memperkasa pemahaman dan penghayatan nilai peribahasa Melayu dengan lebih berkesan.

ABSTRACT

The understanding of Malay proverbs, particularly those that contain words of wisdom, is diminishing among Primary School students. This decline may negatively impact their appreciation and mastery of the curriculum content in the Malay language subject. Therefore, this study aims to: a) identify proverbs with elements of nature found in the Malay language textbooks of national schools (SK) and national-type schools (SJK), and b) interpret these nature-related proverbs within the SK and SJK Malay language textbooks. The study employs a descriptive approach using content analysis of SK and SJK Malay language textbooks. The analysis identified two key proverbs with natural elements: 'time is gold' and 'reading is the bridge to knowledge.' Although these proverbs have different semantic meanings, they both offer valuable life lessons. Ultimately, the findings of this study provide a deeper understanding of Malay proverbs, which can be leveraged to enhance students' comprehension and appreciation of their cultural significance.

PENGENALAN

Pemahaman terhadap makna bahasa dan pemikiran, sifat dan keperibadian sosial sesebuah masyarakat itu sendiri dapat diteliti dan difahami melalui pendekatan semantik, seperti dalam peribahasa Melayu. Penulisan Hashim Hj. Musa (2008) merupakan satu penerokaan yang berfokus untuk mengupas berkaitan kebijaksanaan, falsafah hidup, pegangan agama, nilai keperibadian Melayu. Perkara ini melibatkan penerokaan yang khusus terhadap nilai murni dan mesej sosial dalam madah-madah pujangga yang diturunkan dari generasi ke generasi. Jika diteliti penulisan Hashim Hj. Musa (2008) yang bertajuk Hati Budi Melayu:

Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21, beliau mengumpulkan sebanyak 26 komponen yang meliputi keperibadian sosial masyarakat Melayu, atau dalam penulisannya dikenali sebagai Hati Budi Melayu (HBM).

Menurut beliau, HBM ini merupakan keperibadian sosial yang bersifat sejagat dan dijadikan amalan dan pegangan oleh masyarakat Melayu secara meluas serta diturunkan dari generasi ke generasi. Kesemua komponen HBM ini dapat dilihat secara jelas dalam peribahasa, pepatah-petitih, pantun dan sebagainya. Berikut merupakan rumusan kesemua HBM yang dijelaskan oleh Hashim Hj. Musa (2008);

Jadual 1 Komponen Teras Hati Budi Melayu oleh Hashim Hj. Musa (2008)

Bil.	Komponen Hati Budi Melayu
1	Hidup berteraskan agama Islam
2	Pendidikan demi membentuk manusia yang berilmu, beradab, berbudi, bertakwa dan beramal
3	Nilai kerja yang mengutamakan kesungguhan, kecekapan, kerajinan dan kerukunan bagi manfaat dunia dan akhirat sehingga ke anak cucu
4	Taat dan berkhidmat kepada ibu bapa serta memuliakan mereka
5	Setia kepada ketua yang adil, terpuji dan benar
6	Halus budi bahasa dan budi pekerti
7	Sentiasa bermuafakat, bertenggang rasa, tolong-menolong dan mengutamakan kebajikan umum dan hidup bermasyarakat
8	Hormat dan khidmat dalam pergaulan dan dengan tetamu
9	Sederhana bukan ekstremis dalam tutur kata dan tingkah laku, hemat dan cermat, tidak kasar, keras, militan dan ganas
10	Sangat prihatin tentang harga diri dan maruah yang terjelma dalam istilah 'menjaga air muka' dan 'rasa malu yang mendalam'
11	Tahu tempat dan letak sesuatu dan diri setiap orang dan bertindak sewajarnya
12	Membela dan mempertahankan kebenaran dan keadilan
13	Menanam budi dan membalas budi
14	Sifat pemaaf dan pemurah
15	Sifat kasih sayang
16	Hidup sederhana
17	Ikhlas dan rela berkorban
18	Sikap berdikari
19	Menghormati hak dan milik
20	Kejujuran dan keikhlasan
21	Berbaik sangka terhadap sesama makhluk
22	Sifat keterbukaan, tidak menyimpan rasa dan curang
23	Sifat amanah
24	Memanfaatkan waktu, tidak membuang masa
25	Memandang masa depan
26	Mensyukuri nikmat

Dalam meneliti HBM, penelitian makna dan corak pemikiran Melayu boleh dikaji secara lebih mendalam melalui peribahasa Melayu. Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2011) menjelaskan penggunaan peribahasa Melayu merupakan satu daripada platform dalam memberikan ekspresi akal budi bangsa Melayu kerana ciptaan peribahasa ini adalah amat berkait rapat dengan adat istiadat Melayu lama. Malah, kajian terdahulu seperti Hamilton (1947) juga berpendapat bahawa peribahasa Melayu adalah dihasilkan berdasarkan fenomena sebenar yang berkisarkan kehidupan masyarakat Melayu dahulu, dan secara langsung memberikan gambaran terhadap corak pemikiran bangsa Melayu.

PERNYATAAN MASALAH

Satu daripada komponen bahasa yang diajarkan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah ialah peribahasa. Namun begitu, kajian berkaitan dengan peribahasa telah dilaksanakan oleh Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan (2010) mendapati bahawa 894 orang responden tidak menguasai peribahasa Melayu. Berikutnya, Mohd Ridzuan Md Nasir (2017) dalam kajiannya juga mendapati bahawa murid masih tidak memahami peribahasa dengan baiknya. Tambahan daripada itu, Mary Fatimah Subet dan Mohd Ridzuan Md Nasir (2019) meneruskan kajian

berkaitan kemahiran peribahasa dalam kalangan pelajar turut mendapati bahawa tahap penguasaan kemahiran peribahasa dalam kalangan murid pada tahap yang lemah. Daripada ketiga-tiga kajian yang telah dinyatakan jelas menunjukkan bahawa murid masih tidak mampu menguasai dan memahami peribahasa dengan baiknyanya.

Tahap penguasaan murid yang rendah terhadap peribahasa Melayu ini boleh dipengaruhi oleh beberapa faktor termasuklah faktor motivasi terhadap pembelajaran peribahasa itu sendiri (Mohd Ridzuan Md Nasir, 2019; Rafatbakhsh & Ahmadi, 2019; Samburskiy, 2020). Hal ini dikatakan demikian kerana pelajar didapati sukar untuk menterjemah dan memahami makna sebenar peribahasa tersebut sehingga memberi kesan terhadap motivasi mereka. Samburskiy (2020) menjelaskan makna leksikal yang boleh dilihat secara harfiah sahaja adalah kurang jelas sehingga membawa kepada isu ini. Secara tidak langsung, situasi ini akan memberi cabaran kepada penghayatan dan penguasaan kandungan kurikulum yang berkesan seperti yang diharapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menerusi Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi mata pelajaran Bahasa Melayu. Penghayatan nilai yang lemah ini secara langsung memberi kesan terhadap nilai sosial, nilai moral dan fungsi adat Melayu dalam kehidupan seharian.

Selain itu, faktor yang turut menyumbang kepada permasalahan ini ialah kompetensi guru dalam mengajarkan peribahasa Melayu di sekolah. Berita Harian bertarikh 27 Jun 2016 melaporkan bahawa guru didapati berpeluh-peluh semasa proses pengajaran dan pembelajaran berkaitan peribahasa Melayu di dalam kelas. Pernyataan ini juga diperkukuh dengan hasil temu bual daripada kajian Muhammad Faez Nurazman Amrullah, Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad dan Zamri Mahamod (2022) yang mendapati satu daripada kekakangan utama ketika pengajaran peribahasa Melayu ialah kompetensi guru. Hasil daripada temu bual kajian tersebut menunjukkan bahawa guru mengalami kesukaran untuk menjelaskan makna peribahasa secara lebih mendalam. Perkara ini bertentangan dengan etika sebagai seorang guru di mana guru seharusnya bersedia sebaiknya sebelum proses pengajaran. Hal ini dikatakan demikian kerana guru perlu menyediakan diri dengan pelbagai ilmu agar proses penterjemahan pengetahuan tersebut kepada imej yang lebih jelas dapat dilakukan dengan baik seterusnya mudah difahami oleh murid.

Tambahan daripada itu, untuk memahami mesej yang terkandung dalam peribahasa Melayu bukanlah proses yang mudah kerana peribahasa Melayu disampaikan secara tersirat (Rozita Che Rodi, 2013). Sehubungan dengan itu, untuk memahami sesuatu konsep tersebut memerlukan pemahaman makna secara holistik, iaitu melibatkan definisi, makna asasi dan jalinan perkaitan makna dengan lapangan

konteksnya. Justeru, untuk mendalami makna tersirat di sebalik pemilihan leksikal dalam pembentukan peribahasa Melayu ialah menerusi pengaplikasian pendekatan semantik inkuisitif oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014). Hal ini dikatakan demikian kerana pendekatan semantik inkuisitif mampu untuk merungkai makna sebenar leksikal berpandukan konsep "Bangau oh Bangau". Pelbagai bidang disiplin ilmu akan dirujuk untuk mendapatkan gambaran berkaitan falsafah dan hati budi yang tersemat dalam peribahasa Melayu.

Bagi membantu dalam memahami makna leksikal dalam peribahasa Melayu yang terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu Sekolah Rendah ini, terdapat keperluan untuk melaksanakan penelitian terhadap kata-kata hikmat yang merupakan satu daripada komponen dalam peribahasa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana kata-kata hikmat merupakan satu daripada komponen peribahasa yang kaya dengan makna dalam memberi pedoman dan nasihat dalam kehidupan seharian (Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan, 2011).

OBJEKTIF KAJIAN

Justeru, kajian ini adalah berfokus kepada:

1. Mengetahui pasti kata-kata hikmat yang berunsur alam yang terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu sekolah kebangsaan (SK) dan sekolah jenis kebangsaan (SJK), dan
2. Menginterpretasi kata-kata hikmat yang berunsur alam yang terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu sekolah kebangsaan (SK) dan sekolah jenis kebangsaan (SJK).

KAJIAN LITERATUR

HATI BUDI MELAYU (HBM)

Hati Budi Melayu yang telah digariskan oleh Hashim Hj. Musa (2008) merupakan komponen yang penting bagi menggambarkan keperibadian masyarakat Melayu yang telah diturunkan dari generasi ke generasi. Dalam penulisan beliau, terdapat 26 komponen utama HBM (rujuk Jadual 1 terdahulu) yang boleh dijadikan rujukan dalam memahami HBM ini. Tidak dinafikan kajian berkaitan sifat dan keperibadian sosial, adab, tunjuk ajar, akhlak, dan budaya Melayu merupakan satu aspek terpenting dalam memahami amalan dan pegangan masyarakat. Sehubungan dengan itu, penerokaan oleh Hashim Hj. Musa (2008) ini boleh dibahagikan kepada empat tema utama: a) agama, b) ilmu pengetahuan dan epistemologi, c) pandangan alam semesta atau "worldview", dan d) nilai-nilai.

Pengkaji seterusnya, seperti Rozita Che Rodi (2019) mendalami HBM ini sehingga membawa kepada pemahaman yang lebih mendalam terhadap HBM dan akal budi dalam Pengajian Melayu. Beliau juga menegaskan bahawa komponen ini adalah jelas disampaikan melalui peribahasa termasuk kata-kata hikmat. Umumnya, kata-kata hikmat ialah komponen peribahasa Melayu yang merujuk kepada kata-kata yang disampaikan dengan tujuan untuk memberi nasihat dan pedoman hidup (Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan, 2011).

SEMANTIK INKUISITIF

Pendekatan semantik inkuisitif telah digunakan secara meluas di dalam mahupun di luar negara. Nor Hashimah Jalaluddin (2014) dalam penulisan beliau *Semantik dan Akal Budi Melayu* telah menjelaskan proses yang khusus dalam menggunakan pendekatan ini bagi memahami peribahasa Melayu yang kaya dengan nilai dan mesej-mesej yang berkaitan dengan norma kehidupan. Kejelasan dan kerincian pendekatan ini menjadikan kajian-kajian terkini seperti Nur Ezatull Fadtehah Hedel dan Mary Fatimah Subet (2021) telah menggunakan pendekatan ini bagi menganalisis genre perbualan aneh dalam cerita rakyat, iaitu Hikayat Nakhoda Muda.

Selain itu, kajian Maulana Al-Fin Che Man, Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan (2022) telah menggunakan pendekatan ini dalam kajian berkaitan latar geografi maritim yang digunakan dalam pantun. Umumnya, pantun merupakan satu daripada medium yang digunakan untuk menyampaikan sesuatu mesej secara bijaksana agar tidak memalukan orang yang mendengarnya. Dapatan kajian yang menggunakan pendekatan ini membawa kepada penelitian yang spesifik terhadap pemilihan objek dalam penghasilan pantun yang dipilih secara teliti. Ringkasnya, pendekatan ini telah mewujudkan platform analisis yang lebih mendalam terhadap peribahasa Melayu yang kaya dengan nilai warisan dan pedoman. Justeru, penggunaan pendekatan ini akan meningkatkan pemahaman dan penghayatan terhadap peribahasa Melayu. Perkara ini selaras dengan hasrat Kementerian dalam memperkasa kemahiran Bahasa Melayu dan penghayatan nilai-nilai dan kebudayaan merentasi kurikulum.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif dengan kaedah analisis kandungan yang berfokus pada penghuraian makna tersirat dalam kata-kata hikmat yang mempunyai unsur alam yang terdapat di dalam buku teks Bahasa Melayu SK dan SJK Tahun 4 hingga Tahun 6. Bagi menjawab kepada objektif kajian yang telah ditetapkan, kajian ini akan

menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Fasa pertama ialah kaedah analisis kandungan dengan meneliti kesemua kata-kata hikmat yang terdapat dalam kesemua buku teks Bahasa Melayu SK dan SJK Tahun 4 hingga Tahun 6. Kemudian, dalam menganalisis kata-kata hikmat ini (menginterpretasi kata-kata hikmat berunsur alam), adaptasi daripada proses analisis semantik inkuisitif yang meluas digunakan dalam kajian lepas seperti dalam kajian Nor Hashimah Jalaluddin (2014). Tiga tahap penganalisan utama yang diadaptasi ialah: a) analisis semantik skrip iaitu analisis terhadap makna harafiah atau permukaan, b) analisis semantik resonans yang merujuk kepada penjelasan berdasarkan data, kognitif dan teori yang relevan, dan c) semantik inkuisitif yang merujuk kepada analisis mendalam pemilihan leksikal bagi mencungkil akal budi dalam peribahasa tersebut. Fasa seterusnya, berdasarkan data daripada analisis pada peringkat sebelumnya, dapatan tersebut akan dikaitkan dengan komponen HBM.

Sebelum data dianalisis, kajian ini dimulakan dengan pembacaan secara luncuran dalam mengenalpasti kata-kata hikmat yang terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu SK dan SJK bermula Tahun 4 hingga Tahun 6. Proses ini diteruskan dengan pemindahan kata-kata hikmat ini dalam bentuk jadual bagi memudahkan proses analisis mendalam terhadap data tersebut. Saringan terhadap kata-kata hikmat ini dibuat berdasarkan dua kriteria utama iaitu: a) mempunyai unsur alam, dan b) tiada ulangan merentasi buku teks. Proses seterusnya melibatkan proses pengkodan dan penamaan secara literal dan leksikal, yang melibatkan proses memberi takrifan pada peringkat asas sahaja. Bagi meningkatkan kefahaman terhadap kata-kata hikmat ini, analisis peringkat resonans yang dijalankan berdasarkan Rangka Rujuk Silang seperti yang dicadangkan oleh Kempson (1984). Dapatan daripada fasa ini dinilai dengan lebih mendalam untuk membuat pentafsiran tepat kata-kata hikmat berunsur alam dengan merujuk kepada HBM.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

KATA-KATA HIKMAT YANG MENGANDUNGI UNSUR ALAM

Satu daripada komponen yang terdapat dalam peribahasa Melayu ialah kata-kata hikmat. Kata-kata hikmat merujuk kepada kata-kata yang memberikan makna yang efektif kepada pendengar sama ada sebagai nasihat atau pedoman hidup (Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan, 2011). Hasil daripada analisis dalam buku teks Bahasa Melayu, berikut merupakan kata-kata hikmat yang telah dikenal pasti:

Jadual 2 Kata-kata Hikmat Yang Terkandung Dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahap 2

Bil.	Kata-kata Hikmat	Bahan
1.	Bahasa jiwa bangsa	BM6SJK MS109
2.	bersatu kita teguh, bercerai kita roboh	BM6SK MS78 BM5SK MS79 BM5SJK MS23 BM4SK MS90
3.	bersekutu bertambah mutu	BM4SJK MS105
4.	bersepakat membawa berkat / muafakat membawa berkat	BM6SK MS77 BM5SK MS79 BM5SK MS82 BM5SK MS148
5.	biar lambat, asalkan selamat	BM4SJK MS54
6.	masa itu emas	BM4SK MS173 BM4SK MS192
7.	membaca jambatan ilmu	BM6SK MS112, MS125
8.	pandu cermat jiwa selamat	BM6SK MS53, MS60

Berdasarkan jadual di atas, terdapat 8 kata-kata hikmat yang terkandung dalam bahan kajian yang telah dipilih. Namun begitu, terdapat 2 sahaja peribahasa yang

mengandungi unsur alam. Jadual di bawah menunjukkan kata-kata hikmat yang mengandungi unsur alam;

Jadual 3 Kata-kata Hikmat Yang Mengandungi Unsur Alam

Bil.	Kata-kata Hikmat	Bahan
1.	masa itu emas	BM4SK MS173 BM4SK MS192
2.	membaca jambatan ilmu	BM6SK MS112, MS125

Kedua-dua kata-kata hikmat di atas akan diinterpretasi pada bahagian yang berikutnya.

dalam ayat tersebut membantu pembaca untuk meningkatkan kefahaman terhadap makna kata-kata hikmat tersebut.

Ayat 1

INTEPRETASI KATA-KATA HIKMAT YANG MENGANDUNGI UNSUR ALAM

KATA-KATA HIKMAT 1: MASA ITU EMAS

Analisis Tahap 1: Semantik Skrip

Kata-kata hikmat di atas mendukung makna masa itu sangat berharga. Dalam kata-kata hikmat tersebut, leksikal 'emas' merupakan unsur alam yang akan dihuraikan.

“Pada masa yang sama doktor-doktor kumpulan kedua akan membuat pembedahan tengkorak Orachun mengeluarkan otaknya untuk bersiap sedia. Apabila kumpulan pertama siap membedah dan mengeluarkan segala anggota bos, kumpulan ketiga akan membedah tengkorak bos dengan segera. Kita perlu melakukan kerja ini serentak. Hal ini, boleh menjimatkan masa, kerana masa itu emas.”

(Suwanlerd Pro Paul. Amatak. Falsafah, 2021)

Ayat 2

Analisis Tahap 2: Semantik Resonans

Hasil carian konkordan dalam korpus DBP, ayat yang berikut merupakan ayat yang mengandungi kata-kata hikmat 'masa itu emas'. Penggunaan kata-kata hikmat

Masa itu emas ; oleh itu penggunaan perisian atau penyelesaian yang ketinggalan zaman boleh mempengaruhi keuntungan syarikat dengan serius.

(Manfaatkan teknologi terkini, internet kunci kejayaan operasi PKS. Teknologi Maklumat dan Komunikasi, 2006)

Penggunaan kata-kata hikmat dalam ayat 1 merupakan ayat yang dipetik daripada sebuah teks sastera. Dalam ayat tersebut, premis tambahan dan anteseden akan dianalisis untuk meningkatkan kefahaman terhadap makna yang didukung oleh kata-kata hikmat tersebut. Premis ‘pada masa yang sama’, ‘melakukan kerja ini serentak’ dan ‘menjimatkan masa’ dapat mengurangkan usaha memproses untuk memahami kata-kata hikmat ini. Dalam konteks ayat 1, sekumpulan doktor sedang melaksanakan pembedahan. Justeru, ketua pakar bedah telah mengagihkan mereka ke dalam beberapa kumpulan agar pembedahan dapat diselesaikan dalam tempoh yang pendek dan efisien. Selain itu juga, premis tambahan dalam ayat tersebut menunjukkan pakar bedah tersebut amat menghargai masa. Perkara ini dibuktikan melalui premis ketiga-tiga premis yang dinyatakan sebelum ini. Secara tidak langsung, perbuatan tersebut menunjukkan masa ialah sesuatu yang amat berharga untuk dibazirkan.

Seterusnya, ayat dua merupakan ayat yang dipetik daripada sebuah akhbar tempatan pada tahun 2006. Jika diteliti pada premis tambahan ‘penggunaan perisian atau penyelesaian yang ketinggalan zaman’ dalam ayat 2, keadaan syarikat tersebut menggunakan teknologi bukan terkini. Oleh itu, penggunaan teknologi lama secara tidak langsung akan mengambil masa yang lebih lama panjang berbanding penggunaan teknologi baharu. Sehubungan dengan itu, premis tambahan ‘mempengaruhi keuntungan syarikat’ menggambarkan bahawa keuntungan syarikat tersebut dipengaruhi oleh tahap produktiviti syarikat tersebut. Penggunaan masa yang optimum akan meningkatkan produktiviti syarikat tersebut dan sekali gus meningkatkan keuntungan syarikat. Justeru, perkara ini menunjukkan bahawa syarikat tersebut amat mementingkan masa dalam usaha memajukan syarikat.

Analisis Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Pada bahagian ini, leksikal ‘emas’ dalam kata-kata hikmat di atas akan diteliti dari perspektif semantik inkuisitif. Perkara bertujuan untuk menghuraikan pemilihan leksikal ‘emas’ sebagai perkara yang sangat berharga, dan bukannya ‘berlian’ mahupun ‘intan’. Menurut Nazirah Mohamad Ba’ai, Hanif Khairi dan Hasma Ahmad (2015), emas telah digunakan sejak dahulu lagi sebagai bahan untuk membuat perhiasan dan alat kebudayaan. Penemuan artifak emas seperti cincin, gelang, anting-anting, dan rantai di Wang Kelian pada tahun 1971 dan keris emas ‘Dendam Tak Sudah’ merupakan bukti yang kukuh terhadap pernyataan di atas. Selain itu, terdapat beberapa tempat di Malaysia yang merupakan kawasan lombong emas seperti di Raub, Selinsing dan Lipis di Pahang, Hulu Perak di Perak, Gua Musang di Kelantan, Lahad Datu dan Tawau di Sabah, serta Bau di Sarawak. Justeru, penemuan artifak dan kawasan

perlombongan ini menunjukkan bahawa emas mempunyai nilai untuk dipasarkan. Namun, setinggi manakah nilai emas hingga menjadikan emas tersebut paling berharga?

Nilai emas di dunia ditentukan oleh faktor seperti penawaran dan permintaan, kestabilan ekonomi, nilai mata wang dan juga inflasi. Sehubungan dengan itu, faktor-faktor tersebut menjadikan nilai emas berubah-ubah pada setiap hari. Harga emas semakin hari semakin meningkat. Jika dilihat pada tahun 2003, harga segram emas hanyalah RM58.58 per gram, kemudian meningkat ke RM 128.89 per gram pada tahun 2013 (Abibullah Hj. Samsudin, 2015). Menjelang tahun 2023, harga emas meningkat kepada RM 316.00 per gram. Secara tidak langsung trend kenaikan harga emas membuktikan bahawa emas merupakan sesuatu yang tinggi nilainya.

Justeru, berdasarkan pemetaan di atas dapatlah dirungkai persoalan pemilihan leksikal ‘emas’ sebagai alat bandingan dalam kata-kata hikmat tersebut. Pemetaan di atas juga menunjukkan bahawa emas merupakan sesuatu yang sangat bernilai sejak dahulu lagi. Sifat masa yang tidak dapat diulang atau dibeli dengan wang ringgit ataupun mana-mana mata wang membuktikan bahawa masa tersebut sangat berharga. Sehubungan dengan itu, dalam kata-kata hikmat ini menuntut agar masyarakat terdahulu agar masa dimanfaatkan sebaiknya agar tidak disia-siakan dengan perkara yang tidak baik dan menyesal di kemudian hari.

Tambahan daripada itu, berdasarkan nasihat yang ingin disampaikan dalam kata-kata hikmat tersebut, didapati bahawa teguran dan nasihat tersebut signifikan dengan komponen ke-24 dalam HBM. Komponen tersebut menjelaskan bahawa ciri seorang Melayu itu ialah memanfaatkan waktu dan tidak membuang masa. Komponen ini menjelaskan bahawa seseorang itu hendaklah menggunakan masa yang terluang dengan sebaik mungkin dan dengan perkara-perkara yang mendatangkan manfaat kepada dirinya sama ada di dunia mahupun di akhirat. Pernyataan ini disokong dengan kata-kata Hassan Al Basri yang menyebut dalam Ernst (2011);

“Tiada satu hari yang fajarnya menyingsing melainkan diseru. Wahai anak Adam, aku ialah satu makhluk yang baharu (suatu hari yang baharu) dan menyaksikan semua amalanmu maka ambillah bekal dari pada aku. Sesungguhnya apabila aku berlalu pergi nanti, makan aku tidak akan kembali lagi sehingga hari kiamat”

Kata-kata ini jelas menunjukkan bahawa masa yang terbazir dan tidak dimanfaatkan tidak akan berulang kembali. Sementelah, relevanlah sekiranya masyarakat Melayu sangat menuntut agar masa digunakan sebaiknya kerana perkara ini amat penting dan sejajar dengan tuntutan agama.

KATA-KATA HIKMAT 2: MEMBACA JAMBATAN ILMU

Analisis Tahap 1: Semantik Skrip

Kata-kata hikmat ‘membaca jambatan ilmu’ mendukung makna amalan membaca dapat membantu seseorang itu mendapatkan dan menambahkan ilmu pengetahuan. Dalam kata-kata hikmat tersebut, pemilihan leksikal ‘jambatan’ perlu diteliti.

Analisis Tahap 2: Semantik Resonans

Ayat yang telah dipetik daripada carian korpus DBP akan digunakan untuk membaca pembaca memahami kata-kata hikmat tersebut dengan lebih baik.

Ayat 1

*Kini barulah Aiman sedar mengapa ayat pertama yang Allah turunkan bermula dengan perkataan Iqra kerana orang yang tidak tahu membaca umpama hidup di alam yang gelap gelita. Aiman berazam untuk menjadi guru dan akan mengajar anak-anak bangsa membaca, kerana **membaca itu jambatan ilmu**.*

(Urus Setia Peraduan. Harimau Malaya Junior. Pendidikan, 2018)

Ayat 2

*Anda masih terus membaca tulisan yang tidak berisi ini? Terpulanglah, saya tidak berkuasa untuk melarang lagi. Lagipun kata orang, **membaca adalah jambatan ilmu**. Jika tidak dibaca, nanti tidak percaya pula tentang amaran saya iaitu tidak ada yang hendak diperkatakan. Nanti dikatakan saya berbohong pula.*

(Jangan baca catatan ini. Rencana, 1997)

Hasil carian konkordan dalam data korpus, ayat 1 merupakan ayat yang dipetik daripada sebuah prosa. Dalam ayat tersebut terdapat premis tambahan ‘hidup di alam yang gelap gelita’. Dalam konteks ayat tersebut, gambaran yang ingin ditunjukkan oleh penulis ialah keadaan seseorang yang tidak dapat membaca. Penulis menggambarkan individu yang tidak pandai membaca seperti berada di dunia yang gelap gelita. Perkara ini menunjukkan bahawa pandangan seseorang yang tidak pandai membaca akan menjadi sangat terhad. Seterusnya, dalam konteks ayat 2 pula, premis tambahan yang hadir untuk mengurangkan usaha memproses makna kata-kata hikmat tersebut ialah ‘nanti tidak percaya pula tentang amaran saya’. Dalam ayat tersebut penulis ingin menegaskan bahawa maklumat yang diterima perlu dibaca terlebih dahulu sebelum diterima atau ditolak. Tujuannya adalah untuk menilai kesahan dan kesahihan sesuatu perkara. Tanpa pembacaan dan penelitian yang rinci, kita akan mudah tertipu dengan perkara-perkara yang tidak

benar. Schubungan dengan itu, kedua-dua konteks dalam ayat-ayat di atas menunjukkan bahawa pentingnya amalan membaca kepada seseorang. Hal ini demikian kerana amalan membaca dapat meningkatkan ilmu dan berguna untuk kehidupan.

Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Pada tahap ini, pemilihan leksikal ‘jambatan’ dalam kata-kata hikmat tersebut akan diuraikan berdasarkan perspektif semantik inkuisitif. Faktor pembinaan jambatan perlulah diteliti sebelum melihat pada proses pembinaan sesebuah jambatan. Menurut Abdul Said Ambotang, Baharom Mohamad, Mohd Yusof Abdullah, Mohamad Johdi Salleh dan Nelly Francis (2011) menjelaskan bahawa keadaan geografi serta bentuk muka bumi di Malaysia terdiri daripada kawasan sungai dan bukit. Faktor ini jugalah yang menjadikan kawasan sungai satu daripada kawasan tumpuan untuk penempatan. Masyarakat Melayu terdahulu meredah sungai untuk tujuan logistik dan bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain. Oleh itu, pembinaan jambatan ialah satu keperluan dalam kehidupan seharian masyarakat terdahulu untuk memudahkan sistem perhubungan mereka.

Sebelum pembinaan jambatan dengan menggunakan bahan konkrit, masyarakat terdahulu membina jambatan menggunakan bahan seperti batang pokok sebagai satu daripada bahan utama pembinaan sesebuah jambatan. Kayu yang mempunyai ciri ketahanan yang kuat dan tahan air dipilih dan disusun agar menjadi sebuah landas. Menurut Niroumand, Zain dan Jamil (2012), kayu yang memiliki ciri tahan air adalah untuk mengelakkan kayu tersebut cepat rosak dan reput apabila terdedah dengan air. Tambahan daripada itu, jambatan gantung dibina dengan tujuan merentasi sungai yang lebih lebar. Untuk pembinaan jambatan gantung pula, kayu dan perlu diikat dengan tali lalu digantungkan pada kedua-dua bahagian tebing sungai.

Berdasarkan pemetaan di atas, dapatlah digambarkan bahawa dengan membaca seseorang itu dapat dihubungkan dengan dunia luar dan menjangkau ruang lingkup persekitarannya. Perkara ini telah menghubungkan kepada peluang dan corak kehidupan yang lebih selesa dan mudah kepada mereka. Justeru, berdasarkan pemetaan di atas dapatlah dirungkai bahawa falsafah di sebalik kata-kata hikmat ini menerangkan kepentingan membaca yang akan membawa kepada peningkatan ilmu pengetahuan dan sekali gus membantu dalam menghubungkan individu tersebut dengan dunia luar. Walau bagaimanapun, kerajinan yang perlu ditonjolkan melalui usaha untuk meningkatkan pengetahuan melalui pembacaan, memberi gambaran jelas terhadap salah satu HBM iaitu pendidikan demi membentuk manusia yang berilmu, beradab, berbudi, bertakwa dan beramal’. Perkara ini sejajar dengan tafsiran surah al Alaq yang bermaksud, “Bacalah, dan tuhanmulah Yang Maha

Pemurah, yang mengajar dengan perantaraan qalam. Dia mengajarkan kepada manusia apa yang tidak diketahuinya”. Ringkasnya, tafsiran ini juga memberi pedoman kepada umum berkaitan kepentingan membaca dan nilai kerajinan dalam memperkasa ilmu bagi meningkatkan cara hidup dan pencapaian pada masa depan.

KESIMPULAN

Berdasarkan analisis dapatan dan perbincangan terdahulu, dapatlah disimpulkan bahawa kata-kata hikmat yang dikenal pasti dalam buku teks Bahasa Melayu SK dan SJK membawa mesej dan pesanan yang amat mendalam terhadap kepentingan untuk memupuk nilai positif seperti menghargai masa, kebijaksanaan dan kerajinan dalam kehidupan seharian. Analisis yang melibatkan beberapa peringkat; semantik skrip, semantik resonans dan semantik inkuisitif membawa pemahaman yang amat mendalam terhadap tujuan pemilihan setiap leksikal yang amat tinggi nilai intelek dan secara tidak langsung menggambarkan leluhur hati budi masyarakat terdahulu. Secara tidak langsung, pelbagai aspek dapat dipelajari berkaitan cara hidup, keadaan geografi dan pemikiran orang Melayu. Sehubungan dengan itu, perkara ini dapat membantu pelajar dan guru untuk menghayati keindahan bahasa dan pedoman yang disampaikan melalui peribahasa dari generasi ke generasi. Walau bagaimanapun, kajian ini adalah terhad kepada kata-kata hikmat berunsur alam sahaja dan tidak menyentuh kepada analisis peribahasa Melayu yang lain. Justeru, adalah dicadangkan bahawa kajian akan datang melaksanakan penelitian terhadap peribahasa Melayu yang lain dalam memberi gambaran jelas terhadap akal budi dan seterusnya menggambarkan leluhur HBM yang telah dijadikan amalan merentasi zaman.

RUJUKAN

- Abdul Said Ambotang, Baharom Mohamad, Mohd Yusof Abdullah, Mohamad Johdi Salleh, & Nelly Francis. (2011). Keberkesanan Penggunaan Model Bentuk Muka Bumi Sungai bagi Meningkatkan Prestasi Pelajar dalam Mata Pelajaran Geografi Tingkatan 1. *National Seminar on History and Geography Education*.
- Abibullah Haji Samsudin. (2015). Peningkatan Permintaan dan Kenaikan Harga Emas: Analisis Faktor dan Penerokaan Sumber Baharu. *Journal of Business Management and Accounting*, 5, 13–36.
- Elaheh Rafatbaksh, & Alireza Ahmadi. (2019). A Thematic Corpus-based Study of Idioms in The Corpus of Cotemporary American English. *Asian-Pacific Journal of Second and Foreign Language Education*.
- Ernst, C. W. (2011). *Sufism: An Introduction to the Mystical Tradition of Islam*. Shambala.
- Hashim Hj. Musa. (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Maulana Al-Fin Che Man, Nor Hashimah Jalaluddin, & Junaini Kasdan. (2022). Latar Geografi Maritim dan Akal Budi Melayu dalam Pantun. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 10 (2), 33-46.
- Mohd Ridzuan Md Nasir. (2019). *Semantik Inkuisitif dan Penggabungjalannya dengan Pendidikan Melalui Kaedah Pengajaran Peribahasa Melayu (Tesis Doktor Falsafah)*. Universiti Malaysia Sarawak.
- Mohd Ridzuan Md. Nasir. (2017). Penguasaan Peribahasa dan Makna Menggunakan PISATUM: Satu Kajian Tindakan. *Seminar Antarabangsa Pedagogi Kali Ke-8*. Universiti Malaysia Sarawak.
- Mohd Raman Daud. (t.t). *Berpeluh-peluh Ajar Peribahasa*. Berita Harian 27 Jun 2016.
- Mohd Ridzuan Md Nasir, & Mary Fatimah Subet. (2019). Analisis Semantik Inkuisitif Peribahasa Bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction Vol 16 No 2*.
- Muhammad Faez Nurazman Amrullah, Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad, & Zamri Mahamod. (2022). Pembangunan Modul Pengajaran Simpulan Bahasa: Analisis Keperluan Guru. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*.
- Nazirah Mohamad Ba'ai, Hanif Khairi, & Hasma Ahmad. (2015). Apresiasi Barang Kemas Tradisional Melayu: Satu Kajian Mengenai Budaya Bahan. *ICOMHAC2015 eproceedings*.
- Niroumand, H., Zain, M. F., & Jamil, M. (2012). Bridge Architecture in Malaysia. *International Journal of Environmental Science and Development*.
- Nor Hashimah Jalaluddin, & Junaini Kasdan. (2010). Remaja Malaysia dan Peribahasa Melayu. *Jurnal Linguistik Vol 10 No 1*.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan Akal Budi Melayu*. Penerbit UKM.
- Nur Ezatull Fadtehah, & Mary Fatimah Subet. (2021). Genre Perbualan Aneh dalam Hikayat Nakhoda Muda: Analisis Semantik Inkuisitif. *LSP International Journal* 8 (1), 1-18.
- Rozita Che Rodi. (2013). Bahasa Sebagai Cerminan Nilai Hati Budi Melayu dari Sudut Medan Semantik. *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Putra Malaysia.
- Rozita Che Rodi. (2019). Hati Budi Melayu dalam Pengajian Melayu: Analisis Kata Fokus “Nilai” Berdasarkan Teori Medan Makna. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2019*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

- Samburskiy, D. (2020). The Effect of a Dual Coding Technique on Idiom Interpretation in ESL/EFL Learners. *International Journal of Instruction Vol 13 No 3*, 187-206.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah, & Ahmad Fuad Hassan. (2011). Bahasa dan Pemikiran dalam Peribahasa Melayu. *GEMA: Online Journal of Language Studies 11(3)*, 31-51.